


*Kepentingan Terbaik Kanak-kanak: Isu & Cabaran*



# **SIMPOSIUM KEBANGSAAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK 2004**

The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang  
21 – 22 Julai 2004

**JAGAAN DI INSTITUSI:  
APA PENGALAMAN DAN PANDANGAN KANAK-KANAK?**

PROF. MADYA DATIN SALMA ISHAK  
FUZIAH SHAFFIE  
NOOR AZIZAH AHMAD  
Jabatan Kerja Sosial  
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia  
Universiti Utara Malaysia  
Tel: 04- 928 3890 Fax: 04-928 3898  
E-Mail: [salma@uum.edu.my](mailto:salma@uum.edu.my)

JUSMAWATI FAUZAMAN  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



**KERTAS KERJA • SESI 2D**

# JAGAAN DI INSTITUSI: APA PENGALAMAN DAN PANDANGAN KANAK-KANAK?

SALMA ISHAK\*, JUSMAWATI FAUZAMAN\*\*,  
NOOR AZIZAH AHMAD\*,  
FUZIAH SHAFFIE\*

*Tidak semua kanak-kanak bernasib baik untuk mendapat jagaan dan perlindungan daripada keluarga sendiri. Oleh sebab-sebab tertentu, terdapat sebilangan kanak-kanak yang perlu ditempatkan di Rumah Kanak-kanak supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka dalam persekitaran yang lebih sempurna. Institusi jagaan seperti ini disediakan untuk menggantikan keluarga mereka dengan memberi kemudahan tempat tinggal, perkhidmatan-perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, dan rekreasi, serta suasana psikologikal bagi perkembangan sosial, emosi, dan spiritual. Namun, sejauhmanakah institusi seperti ini dapat memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna dan yang lebih baik daripada apa yang mampu disediakan oleh keluarga mereka sendiri?*

*Kajian yang dilaporkan di dalam kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil sebuah kajian yang lebih besar ke atas kehidupan kanak-kanak yang ditempatkan di institusi jagaan kanak-kanak. Seramai 513 orang kanak-kanak daripada 4 buah Rumah Kanak-kanak (RKK), 2 buah Rumah Budak Laki-laki (RBL), dan 5 buah Rumah Tunas Harapan (RTH) yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di seluruh Semenanjung Malaysia telah terlibat di dalam kajian ini. Aspek-aspek yang dibincang di dalam kertas kerja ini ialah pandangan kanak-kanak terhadap perkhidmatan yang disediakan, khususnya kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang untuk mereka mengalami kehidupan yang lebih positif. Hasil kajian ini dibincang dari aspek sejauhmana ia memenuhi matlamat program Rumah Kanak-kanak dan juga mencapai standard yang digunakan di peringkat antarabangsa bagi menjamin kualiti perkhidmatan jagaan institusi.*

## Pengenalan

Keluarga merupakan salah sebuah institusi asas yang terpenting bagi manusia. Fungsi utama institusi keluarga ialah untuk melahirkan zuriat, mengembangkan spesies manusia, dan seterusnya mensosialisasikan anak-anak. Berbanding dengan spesies lain, kanak-kanak memerlukan jagaan dan perlindungan daripada keluarga untuk satu jangkamasa yang panjang. Oleh itu, setiap kanak-kanak sangat bergantung kepada kedua ibu bapa terutama sekali pada awal kehidupan mereka. Pengalaman-pengalaman awal ini mempunyai pengaruh yang sangat penting ke atas perkembangannya dan meninggalkan kesan ke atas pengalaman hidup selanjutnya.

Namun, tidak semua kanak-kanak bernasib baik untuk mendapat jagaan dan perlindungan daripada keluarga sendiri. Oleh sebab-sebab tertentu, terdapat sebilangan kanak-kanak yang perlu ditempatkan di Rumah Kanak-kanak supaya mereka dapat meneruskan kehidupan mereka dalam persekitaran yang lebih sempurna. Daripada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), terdapat seramai 798 orang kanak-kanak yang berdaftar di enam buah rumah kanak-kanak pada penghujung tahun 1999 (Buletin Perangkaan Kebajikan 1999). Menurut Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Seksyen 44 (1) dan Peraturan Perlindungan Kanak-kanak (Tempat Selamat) 1992, rumah kanak-kanak ini telah diwartakan sebagai tempat

---

\* Universiti Utara Malaysia

\*\* Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

selamat. Di antara kriteria-kriteria yang membolehkan seseorang kanak-kanak itu ditempatkan di rumah kanak-kanak ialah: (a) anak yatim, (b) mempunyai ibu bapa yang sakit ataupun dimasukkan ke hospital, (c) anak-anak yang terabai ataupun terdampar, (d) anak-anak yang teraniaya, (e) anak-anak orang tahanan ataupun banduan, dan (f) atas arahan mahkamah mengikut Akta Kanak-kanak 1991.

Institusi jagaan yang disediakan oleh rumah kanak-kanak di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bertujuan untuk menggantikan jagaan yang sepatutnya diterima daripada keluarga mereka, iaitu dengan memberi kemudahan tempat tinggal, perkhidmatan-perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, dan rekreasi, serta suasana psikologikal bagi perkembangan sosial, emosi, dan moral/spiritual. Sejarah perkhidmatan jagaan institusi di Rumah Kanak-kanak boleh dikesan akibat daripada Perang Dunia Kedua dan seterusnya penubuhan secara rasminya sebuah Jabatan Kebajikan Masyarakat oleh pihak Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration*). Pihak kerajaan memainkan peranan utama dengan menerima tanggungjawab dan mengambil alih perkhidmatan jagaan institusi ini dan selanjutnya menubuhkan beberapa buah rumah kanak-kanak bagi menampung keperluan yang semakin meningkat. Pada masa ini terdapat empat buah Rumah Kanak-kanak (RKK), dua buah Rumah Budak Laki-laki (RBL), dan lima buah Rumah Tunas Harapan (RTH) di seluruh Semenanjung Malaysia.

Institusi jagaan untuk kanak-kanak sememangnya wujud di mana-mana negara. Yang berbeza mungkin dari segi pentadbiran, pengurusan, dan kemudahan yang disediakan. Di negara Barat, khususnya di Britain, penempatan kanak-kanak di dalam institusi jenis ini semakin berkurangan mulai dekad tujuh puluhan dan lapan puluhan yang lalu (Brown, Bullock, Hudson & Little, 1998). Mungkin ini ada kaitan dengan terbongkarnya berbagai bentuk salah laku yang terdapat di institusi-institusi ini (Berridge & Brodie, 1998; Davison, 1995; Frost, Mills & Stein, 1999). Dari segi perkhidmatan kanak-kanak, dekad lapan puluhan merupakan satu tempoh di mana institusi-institusi yang memberi perkhidmatan kanak-kanak mendapat perhatian dan penelitian yang menghasilkan banyak kajian dilakukan ke atasnya (Kahan, 1995). Penggubalan Akta Kanak-kanak (*Children's Act 1989*) pada tahun 1989 dan penguatkuasaannya pada tahun 1991 di Britain adalah satu langkah untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan dan jagaan yang sepatutnya, sama ada ia diberikan oleh keluarga sendiri mahupun pihak-pihak tertentu yang dipertanggungjawabkan menjaga kebajikan kanak-kanak.

Bagaimana pula dengan keadaan di Malaysia? Semenjak tertubuhnya rumah kanak-kanak yang dianjurkan oleh kerajaan berikutan dengan berakhirnya Perang Dunia Kedua sehingga kini, tidak ada dokumentasi mengenai kajian-kajian ke atas institusi-institusi ini (Fulcher & Faizah, 2000). Sejauhmanakah jagaan dan perlindungan yang disediakan oleh rumah kanak-kanak ini sempurna dan dapat memenuhi keperluan-keperluan kanak-kanak yang ditempatkan di situ? Berdasarkan matlamat yang digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang mentadbirkan rumah-rumah kanak-kanak ini, adakah kanak-kanak ini merasakan yang kehidupan dan masa depan mereka terjamin? Kajian yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau pandangan dan penilaian kanak-kanak terhadap pelbagai aspek kehidupan mereka di rumah kanak-kanak. Tumpuan diberikan kepada aspek-aspek yang merangkumi perkembangan psikososial mereka, khususnya keperluan-keperluan sosial, emosi, moral/spiritual.

Pandangan dan penilaian kanak-kanak akan diklasifikasikan mengikut peruntukan program yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Seterusnya pandangan

kanak-kanak ini akan dibandingkan dengan standard atau piawaian yang telah dikeluarkan oleh salah satu unit di Jabatan Kesihatan United Kingdom, “Social Services Inspectorate” – SSI.

## **Peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Standard SSI**

Berdasarkan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 - kini digubal baru menjadi Akta Kanak-kanak 2001 - beberapa peruntukan telah disediakan untuk jagaan kanak-kanak di institusi. Peruntukan tersebut didatangkan dalam bentuk program yang dilaksanakan di semua RKK, RBL, dan juga RTH. Program-program tersebut merangkumi 1) Jagaan dan perlindungan, 2) Bimbingan dan kaunseling, 3) Pelajaran, 4) Latihan vokasional, 5) Didikan agama dan moral, 6) Riadah, dan 7) Perubatan dan kesihatan ([www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm](http://www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm) 29/6/2004).

Program jagaan dan perlindungan yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia cuba mendatangkan suasana rumah yang normal terhadap penghuninya. Suasana normal ini diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan menyeluruh dari segi emosi, jasmani, dan rohani kanak-kanak tersebut. Program bimbingan dan kaunseling pula disediakan sebagai sokongan kanak-kanak dalam menghadapi masalah emosi dan psikologi. Di samping itu, program ini diharapkan dapat membentuk sahsiah dan kelakuan yang bersesuaian dengan konteks kehidupan kanak-kanak ini. Selain daripada itu, program didikan agama dan moral juga diterapkan bagi menjamin perkembangan serta pertumbuhan rohani. Kanak-kanak yang berlainan agama didedahkan dengan pelbagai ajaran agama masing-masing ([www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm](http://www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm) 1/7/2004). Kertas kerja ini akan membuat perbandingan di antara peruntukan “Penjagaan kanak-kanak” yang termaktub dalam SSI dengan program “Jagaan dan Perlindungan” serta “Bimbingan dan Kaunseling” seperti yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Secara umumnya standard yang telah ditetapkan oleh SSI ini digunakan sebagai satu garis panduan bagi program pemeriksaan perkhidmatan institusi jagaan kanak-kanak di United Kingdom. Standard ini adalah hasil langsung dari *Children Act 1989*. Garis panduan ini merangkumi 36 kenyataan piawaian yang diklasifikasikan di bawah sembilan tajuk yang lazimnya dirujuk sebagai Aspek Penjagaan – *Aspects of Care*. Aspek Penjagaan yang termaktub dalam standard tersebut merangkumi: 1) Matlamat dan fungsi, 2) Hak kanak-kanak, 3) Perlindungan kanak-kanak, 4) Penjagaan kanak-kanak, 5) Kualiti peluang, 6) Perancangan jagaan kanak-kanak, 7) Premis, 8) Pengambilan pekerja, dan 9) Pengurusan dan Organisasi. Di bawah setiap satu tajuk “Aspek penjagaan”, standard akan diwujudkan. Standard akan didefinisikan oleh kenyataan piawai dan dijelaskan lagi dengan kriteria yang harus diterima oleh kanak-kanak, amalan yang harus dilaksanakan di peringkat institusi, serta tindakan pihak pentadbiran (*Standards for Residential Child Care Services, 1994*). Perbincangan kertas kerja akan menjurus pada tajuk “Penjagaan kanak-kanak” dengan fokus atas kriteria tertentu di bawahnya. Fokus pada standard ini adalah untuk menyokong konteks kebajikan psikososial kanak-kanak yang menjadi fokus utama kertas kerja ini

## **Siapakah Kanak-kanak Dalam Kajian Ini?**

Seramai 513 orang kanak-kanak, daripada 4 buah Rumah Kanak-kanak (RKK), 2 buah Rumah Budak Laki-laki (RBL), dan 5 buah Rumah Tunas Harapan (RTH) yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di seluruh Semenanjung Malaysia telah terlibat sebagai responden di dalam kajian ini (Jadual 1). Berpandukan borang temubual yang disediakan khas

untuk kanak-kanak, setiap responden telah ditemubual secara individu untuk mendapatkan pandangan dan perasaan mereka terhadap pelbagai aspek kehidupan mereka di institusi berkenaan. Secara purata, temubual berlangsung selama lebih kurang 30 minit bagi setiap responden. Seramai 6 atau 7 orang penemubual telah menemubual responden secara serentak di lokasi-lokasi tertentu di dalam kawasan institusi berkenaan.

Jadual 1 Taburan responden mengikut institusi

Institusi	Bilangan kanak-kanak
Rumah Kanak-kanak (RKK)	
RKK Taman Bakti, Kepala Batas (RKK,KBTS)	74
RKK Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar (RKK,KKSR)	77
RKK Tengku Budriah, Cheras (RKK,CHRS)	78
RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan (RKK,KNTN)	71
Rumah Budak Laki-Laki (RBL)	
Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, Serendah (RBL,SNDH)	48
Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Melaka (RBL,MLKA)	59
Rumah Tunas Harapan (RTH)	
RTH Tengku Ampuan Rahimah, Kuala Selangor (RTH,KSLR)	39
RTH Jasin (RTH,JSIN)	8
RTH Payung Sri Sejahtera, Seri Menanti (RTH,SMTI)	26
RTH Pakatan Kasih, Pengkalan Chepa (RTH,KBRU)	11
RTH Darul Hilmi, Kuala Terengganu (RTH,KTGU)	22
Jumlah	513

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut institusi, bangsa, jantina, dan kumpulan umur. Terdapat seramai 70.0 peratus berbangsa Melayu, 23.4 peratus India, dan 5.8 peratus Cina, yang mana kanak-kanak perempuan (56.1 peratus) melebihi kanak-kanak lelaki (43.9 peratus). Sebahagian besar daripada mereka berada dalam lingkungan umur 12 - 15 tahun. Dari segi pengalaman tinggal di institusi yang lain sebelum ini, Jadual 3 menunjukkan lebih ramai (56.9 peratus) yang tidak pernah mengalami tinggal di institusi lain. Namun, apabila diteliti, terdapat lebih kurang dua pertiga daripada mereka yang berada di Rumah Budak Laki-laki (62.3 peratus) dan di Rumah Tunas Harapan (62.5 peratus) menyatakan pernah mengalaminya. Bilangan yang agak besar ini berbanding dengan apa yang terdapat di Rumah Kanak-kanak ada kaitan dengan peraturan yang mana kanak-kanak lelaki yang mencapai umur 12 tahun secara automatik dipindahkan ke RBL. Bagi mereka yang berada di RTH, kanak-kanak yang berada di sini adalah terpilih daripada kalangan mereka yang tinggal di RKK.

Sungguhpun tindakan menempatkan dan memberi jagaan kepada kanak-kanak di institusi menyebabkan kanak-kanak tersebut terpisah daripada keluarga, khususnya ibu bapanya, tetapi jika ia melibatkan lebih daripada seorang kanak-kanak daripada satu keluarga, usaha-usaha dibuat untuk memastikan mereka ditempatkan di institusi yang sama. Terdapat lebih kurang satu pertiga (32.2 peratus) daripada responden mempunyai adik/abang/kakak yang tinggal di

institusi yang sama, dan 14.8 peratus di institusi yang lain. Keadaan ini lebih jelas di RTH yang mana terdapat hampir separuh daripada mereka (46.7 peratus) mempunyai adik/kakak/abang

Jadual 2 Latar Belakang Kanak-kanak

Institusi	RKK KBTS	RKK KKSR	RKK CHRS	RKK KNTN	RBL SNDH	RBL MLKA	RTH KSLR	RTH JSIN	RTH SMTI	RTH KBRU	RTH KTGU	Jumlah
<b>Bangsa</b>												
Melayu	43	44	61	47	37	36	27	8	25	11	20	359
Cina	5	5	5	4	-	4	7	-	-	-	-	30
India	25	28	11	19	10	19	5	-	1	-	2	120
Lain-lain	1	-	1	1	1	-	-	-	-	-	-	4
<b>Lelaki</b>												
	28	10	15	14	48	59	18	2	14	5	12	225
6 – 11 thn.	24	9	13	10	-	-	5	1	7	2	6	77
12 – 15 thn.	4	1	2	4	26	42	7	1	6	3	6	102
16 & lebih	-	-	-	-	22	17	6	-	1	-	-	46
<b>Perempuan</b>												
	46	67	63	57	-	-	21	6	12	6	10	288
6 – 11 thn.	18	7	15	9	-	-	4	-	3	2	3	61
12 – 15 thn.	16	38	17	22	-	-	10	4	4	4	7	122
16 & lebih	12	22	31	26	-	-	7	2	5	-	-	105

yang tinggal bersama-sama. Sebelum ditempatkan di institusi di mana mereka berada sekarang, kebanyakan daripada responden ini berada di bawah jagaan ibu (25.6 peratus) ataupun kedua-dua ibu bapa (22.4 peratus).

Secara umumnya jika dibandingkan usaha yang diterapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam menempatkan kanak-kanak di institusi yang sama dengan adik/abang/kakak mereka ini menampakkan salah satu kriteria yang bertepatan dengan kenyataan piawaian dalam SSI bahawa “peruntukaan jagaan di institusi haruslah menjurus ke arah memenuhi kehendak serta keperluan kanak-kanak sebagai seorang individu” (Standards for Residential Child Care Services, 1994). Kenyataan ini adalah kriteria yang harus disediakan oleh institusi jagaan terhadap kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Semestinya perasaan ingin hidup bersama ahli keluarga merupakan satu perasaan yang cukup signifikan dalam kehidupan seseorang individu. Lantas walau pun terpaksa berjauhan dengan ibu bapa, sekurang-kurangnya dengan adanya adik-beradik dekat dengan mereka dapatlah ikatan kekeluargaan dilangsungkan. Secara langsung, pembentukan diri kanak-kanak secara positif akan terjamin.

### Kehidupan di Institusi

Perasaan selamat semasa tinggal di sesuatu kediaman adalah faktor yang penting untuk membolehkan seseorang itu menjalani kehidupan seharian tanpa perasaan bimbang tentang keselamatannya. Sebilangan yang besar daripada responden menyatakan institusi berkenaan

merupakan tempat tinggal yang mana mereka merasa sangat selamat (20.6 peratus) dan selamat (70.4 peratus) (Jadual 4). Perasaan ini mungkin ada kaitan dengan pendapat mereka tentang

Jadual 3 Pengalaman Tempat Tinggal

Corak Tempat Tinggal	RKK		RBL		RTH		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
<b>Pernah tinggal di institusi lain</b>								
Ya	87	29.4	66	62.3	65	62.5	218	43.1
Tidak	209	70.6	40	37.7	39	37.5	288	56.9
<b>Jumlah</b>	<b>296</b>	<b>100.0</b>	<b>106</b>	<b>100.0</b>	<b>104</b>	<b>100.0</b>	<b>506</b>	<b>100.0</b>
<b>Ada adik/kakak/abang di institusi yang sama</b>								
Ya	96	32.1	19	17.9	49	46.7	164	32.2
Tidak	203	67.9	87	82.1	56	53.3	346	67.8
<b>Jumlah</b>	<b>299</b>	<b>100.0</b>	<b>106</b>	<b>100.0</b>	<b>105</b>	<b>100.0</b>	<b>510</b>	<b>100.0</b>
<b>Ada adik/kakak/abang di institusi yang lain</b>								
Ya	34	11.5	25	23.6	16	15.4	75	14.8
Tidak	262	88.5	81	76.4	88	84.6	431	85.2
<b>Jumlah</b>	<b>296</b>	<b>100.0</b>	<b>106</b>	<b>100.0</b>	<b>104</b>	<b>100.0</b>	<b>506</b>	<b>100.0</b>
<b>Siapa penjaga sebelum masuk ke institusi</b>								
Ibu	84	29.9	14	15.2	22	23.1	120	25.6
Bapa	46	16.4	12	13.0	15	15.8	73	15.6
Ibu & Bapa	71	25.3	25	27.2	9	9.5	105	22.4
Ibu Saudara	8	2.7	4	4.3	6	6.3	18	3.9
Bapa Saudara	5	1.8	2	2.2	1	1.1	8	1.7
Kakak/Abang	5	1.8	2	2.2	2	2.1	9	1.9
Datuk/Nenek	23	8.2	10	10.9	9	9.5	42	9.0
Lain-lain	39	13.9	23	25.0	31	32.6	93	19.9
<b>Jumlah</b>	<b>281</b>	<b>100.0</b>	<b>92</b>	<b>100.0</b>	<b>95</b>	<b>100.0</b>	<b>468</b>	<b>100.0</b>

jagaan yang mereka terima yang mana sebilangan besar menyatakan ianya sempurna (16.9 peratus) dan mencukupi (69.4 peratus). Begitu juga, seramai 16.2 peratus melaporkan mereka “sangat suka” dan 57.8 peratus melaporkan “suka” dengan tempat tinggal sekarang. Walau bagaimanapun, terdapat lebih kurang satu perempat yang menyatakan perasaan tidak begitu suka (13.0 peratus) dan tidak suka langsung (13.0 peratus) terhadap kehidupan di institusi berkenaan. Perasaan yang negatif ini sangat jelas dilaporkan oleh mereka yang tinggal di RBL (35.6 peratus) dan di RKK (30.0 peratus). Sehubungan dengan itu juga, walaupun lebih ramai menyatakan perasaan positif terhadap kehidupan di institusi, tetapi lebih dua pertiga mengakui keinginan yang sangat tinggi (24.0 peratus) dan keinginan yang tinggi (44.8 peratus) untuk keluar daripada institusi berkenaan. Perasaan ini paling jelas dinyatakan oleh responden di RBL (81.2 peratus) dan diikuti oleh responden di RKK (71.7 peratus), dan di RTH (49.1 peratus).

Perasaan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak ini berbeza mengikut ciri kehidupan yang diterapkan dalam ketiga-tiga jenis rumah. RTH yang ciri kehidupannya lebih menyerupai kehidupan keluarga normal mungkin lebih mampu menyediakan suasana kehidupan yang lebih positif kepada kanak-kanak. Suasana di RBL dan RKK pula lebih menyerupai kehidupan di asrama dan mungkin ia kurang dapat menghidupkan suasana berkeluarga yang amat diperlukan kanak-kanak. Bertitik tolak dari dapatan ini, dapatlah dirumuskan bahawa segala peruntukan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah pun menepati hasil yang sepatutnya dinikmati kanak-kanak di institusi, cumanya kesan positif yang diharapkan lahir dari peruntukan ini berbeza disebabkan perbezaan ciri-ciri kehidupan di institusi tersebut.

Jadual 4 Pandangan terhadap kehidupan di rumah

Rasa selamat di rumah	Bil.	%	Kesempurnaan jagaan di rumah	Bil.	%
Sangat selamat	105	20.6	Sangat sempurna	85	16.9
Selamat	359	70.4	Sempurna	350	69.4
Kurang selamat	35	6.9	Kurang sempurna	54	10.7
Tidak selamat	11	2.1	Tidak sempurna	15	3.0
Jumlah	510	100.0	Jumlah	504	100.0

Suka tinggal di rumah	%	Bil.
Sangat suka	82	16.2
Suka	292	57.8
Kurang suka	66	13.0
Tidak suka	66	13.0
Jumlah	506	100.0



## **Hubungan-Hubungan di Institusi**

Petugas di institusi berfungsi sebagai ibu bapa ganti kepada kanak-kanak setelah fungsi itu gagal dilaksanakan oleh ibu bapa mereka sendiri. Bagi sesebuah institusi yang mempunyai penghuni yang ramai, sememangnya sukar bagi setiap kanak-kanak mendapat perhatian yang khusus untuknya setiap masa ianya diperlukan. Namun, adalah penting bagi kanak-kanak itu mempunyai perasaan bahawa petugas mengambil berat tentang dirinya. Merujuk kepada Jadual 5, sebilangan besar daripada responden melaporkan hubungan yang sangat rapat (19.6 peratus) dan rapat (56.5 peratus) dengan penjaga mereka. Keadaan ini menimbulkan perasaan sangat puas hati (15.0 peratus) dan puas hati (66.6 peratus) di kalangan responden. Namun, terdapat hampir satu perempat yang menyatakan tidak begitu rapat (20.8 peratus) dan tidak rapat (3.1 peratus).

Bila diperincikan lagi data yang dilaporkan di sini, nampak jelas pola keakraban dengan petugas amat tinggi di kalangan kanak-kanak di RTH jika dibandingkan dengan kanak-kanak di RKK dan RBL. Walaupun peratusan tertinggi keakraban dengan petugas dipamerkan oleh kanak-kanak RTH, majoriti kanak-kanak dari ketiga-tiga institusi menyatakan “sangat puas hati” ataupun “puas hati” dengan hubungan tersebut. Merujuk kepada hampir satu perempat dari kanak-kanak yang melaporkan tidak begitu rapat dan tidak rapat dengan petugas, majoriti adalah di kalangan kanak-kanak RBL dan RKK.

SSI ada mewujudkan satu kenyataan piawai (di bawah tajuk “Penjagaan Kanak-kanak”) iaitu “Kanak-kanak harus dijaga oleh kakitangan yang mampu memahami dan menghargai mereka”. Kriteria hasil dari kenyataan piawai ini yang harus dinikmati oleh kanak-kanak ialah “perasaan serta keyakinan bahawa kakitangan/penjaga di institusi cuba membentuk hubungan yang positif dengan mereka” (Standards for Residential Child Care Services, 1994). Berdasarkan kenyataan piawai ini, dapatan di atas jelas menampakkan bahawa majoriti kanak-kanak merasakan bahawa petugas berusaha membentuk hubungan yang positif. Kelainan ketara disebabkan oleh sistem yang berbeza di antara ketiga-tiga institusi tersebut. Suasana di RTH yang lebih dekat dengan suasana kehidupan berkeluarga mungkin menjadi faktor utama kepada kelainan yang terbentuk.

Hubungan sesama kanak-kanak di institusi boleh menjadikan kehidupan di institusi sebagai satu pengalaman hidup yang manis, biasa, ataupun pahit. Seperti juga dengan hubungan dengan petugas, hubungan responden dengan kanak-kanak lain dilaporkan sebagai sangat rapat (19.7 peratus) dan rapat (59.1 peratus) oleh sebahagian besar daripada responden. Sebilangan yang besar menyatakan perasaan sangat puas hati (17.5 peratus) dan puas hati (67.3 peratus) terhadap keadaan ini. Keadaan yang lebih kurang sama juga dilaporkan tentang hubungan di kalangan kanak-kanak yang tinggal di institusi berkenaan. Seramai 13.2 peratus melaporkan hubungan yang sangat rapat dan 68.0 peratus melaporkan hubungan yang rapat di kalangan kanak-kanak. Begitu juga, responden merasa sangat puas hati (12.9 peratus) dan berpuas hati (72.2 peratus) dengan hubungan tersebut.

## **Masalah-masalah, salahlaku, dan disiplin**

Seperti yang dinyatakan di atas, sebahagian besar daripada responden terdiri daripada mereka yang berumur 12 hingga 15 tahun, iaitu mereka yang berada pada peringkat remaja. Ini merupakan keadaan yang lazim terdapat di mana-mana institusi jagaan kanak-kanak (Gibbs & Sinclair, 1998). Sememangnya ini adalah peringkat umur yang dipenuhi dengan berbagai isu perkembangan. Penyesuaian kepada pelbagai perubahan dalaman yang berlaku pada diri remaja

menjadi lebih sukar jika terdapat masalah-masalah luaran. Sungguhpun mereka melaporkan hubungan yang agak rapat dengan penjaga, dengan kanak-kanak lain, dan juga di kalangan kanak-kanak, masalah-masalah tetap wujud. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang mereka alami ini selalunya berlaku kadang-kadang, sama ada ianya masalah peribadi, dengan kanak-kanak lain di institusi, dengan rakan-rakan di sekolah, ataupun dengan guru (Jadual 6). Dari segi bagaimana masalah-masalah ini diatasi, responden-responden melaporkan bahawa

Jadual 5 Hubungan-hubungan di Institusi

Hubungan	Responden dengan petugas		Responden dengan kanak-kanak lain		Di kalangan kanak-kanak	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Sangat rapat	99	19.6	100	19.7	67	13.2
Rapat	286	56.5	300	59.1	344	68.0
Tidak begitu rapat	105	20.8	89	17.6	82	16.2
Tidak rapat	16	3.1	18	3.6	13	2.6
Jumlah	506	100.0	507	100.0	506	100.0

Kepuasan terhadap hubungan	Responden dengan petugas		Responden dengan kanak-kanak lain		Di kalangan kanak-kanak	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Sangat puas hati	76	15.0	88	17.5	65	12.9
Puas hati	337	66.6	338	67.3	363	72.2
Agak puas hati	61	12.1	44	8.8	45	8.9
Tidak puas hati	25	4.9	29	5.8	26	5.2
Sangat tidak puas hati	7	1.4	3	0.6	4	0.8
Jumlah	506	100.0	502	100.0	503	100.0

penjaga-penjaga mereka boleh diharapkan untuk memberi sokongan dan bimbingan kepada mereka. Senario ini menepati satu lagi kriteria hasil yang harus dinikmati oleh kanak-kanak (kriteria seterusnya dari kenyataan piawai “Kanak-kanak harus dijaga oleh kakitangan yang mampu memahami dan menghargai mereka”) iaitu “Kanak-kanak harus merasakan yang kakitangan betul-betul bertanggungjawab membantu mereka menghadapi isu atau masalah yang timbul dalam kehidupan di institusi dan juga masalah berkaitan dengan diri mereka sendiri”.

Jika dilihat dengan lebih terperinci lagi, data kanak-kanak RTH menampilkan peratusan yang tinggi terhadap sokongan yang diberikan penjaga institusi. Majoriti kanak-kanak ini memilih “selalu” dan “kadang-kadang” menerima bimbingan ketika menghadapi masalah dan tidak ramai dari mereka yang melaporkan “jarang-jarang sekali” atau pun “tidak pernah”.

Kanak-kanak RKK dan RBL menunjukkan peratusan yang lebih tinggi memilih “jarang-jarang sekali” atau pun “tidak pernah” menerima bimbingan penjaga ketika menghadapi masalah jika dibandingkan dengan kanak-kanak RTH. Sekali lagi ciri kehidupan yang berbeza menampakkan perbezaan pendapat antara kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak ini merujuk masalah yang mereka hadapi kepada orang yang berlainan. Penjaga dipilih untuk mengadu tentang masalah peribadi dan masalah dengan kanak-kanak lain di institusi, guru ataupun kaunselor untuk masalah dengan rakan di sekolah, dan kawan-kawan rapat untuk masalah dengan guru. Rakan-rakan sebaya merupakan orang yang penting di dalam kehidupan remaja belasan tahun. Sebilangan yang besar responden (70.6 peratus) mempunyai ramai (55.9 peratus) rakan di luar institusi. Satu perkara yang mungkin perlu diberi perhatian ialah terdapat sebilangan responden yang memilih untuk memendam perasaan ataupun cuba menyelesaikan sendiri masalah peribadi (23.4 peratus), masalah dengan kanak-kanak lain di institusi (24.6 peratus), masalah dengan rakan di sekolah (20.9 peratus), dan masalah dengan guru (35.4 peratus).

Jadual 6 Masalah dan sokongan daripada petugas

Masalah	Masalah peribadi		Masalah dengan kanak-lain di institusi		Masalah dengan rakan di sekolah		Masalah dengan guru	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kerap kali	80	15.7	66	13.1	29	7.6	9	2.4
Kadang-kadang	171	33.6	170	33.8	94	24.6	42	11.0
Jarang-jarang sekali	46	9.0	66	13.1	53	13.9	36	9.5
Tidak pernah	212	41.7	201	40.0	206	53.9	293	77.1
Jumlah	509	100.0	503	100.0	382	100.0	380	100.0

Sokongan/ bimbingan	Masalah peribadi		Masalah dengan kanak-lain di institusi		Masalah dengan rakan di sekolah		Masalah dengan guru	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kerap kali	78	26.6	93	31.9	67	39.9	19	24.1
Kadang-kadang	116	39.6	114	39.0	57	33.9	38	48.1
Jarang-jarang sekali	37	12.6	36	12.3	23	13.7	8	10.1
Tidak pernah	62	21.2	49	16.8	21	12.5	14	17.7
Jumlah	293	100.0	292	100.0	168	100.0	79	100.0

Dalam borang soal selidik yang digunakan, soalan tentang kesalahan yang dilakukan kanak-kanak boleh memberi gambaran sama ada mereka tahu atau tidak tatacara kelakuan yang harus ditunjukkan. Merujuk kepada Jadual 7, walau pun lebih ramai responden (54.5 peratus) mengakui pernah melakukan kesalahan berbanding dengan tidak pernah melakukan kesalahan (45.5 peratus), namun kebanyakan kesalahan ini dilakukan kadang-kadang (60.3 peratus). Jenis-jenis kesalahan yang dilaporkan ialah melanggar peraturan institusi (38.8 peratus) seperti

merokok , bergaduh (24.6 peratus), dan menentang ataupun menipu penjaga (17.9 peratus). Lain-lain kesalahan termasuk ponteng sekolah, lari dari institusi, merosak harta benda institusi, dan mencuri. Responden bagaimanapun sedar dan faham akibat kesalahan yang dilakukan yang mana hukumannya akan ditetapkan oleh pihak institusi. Bentuk hukuman yang diamalkan oleh institusi dirasakan sesuai (63.4 peratus) dan berkesan (64.0 peratus).

Jadual 7 Kesalahan dan hukuman

Pernah laku kesalahan			Kekerapan melakukan kesalahan		
	Bil.	%		Bil.	%
Ya	277	54.5	Kerap kali	26	9.7
Tidak	231	45.5	Kadang-kadang	161	60.3
			Jarang-jarang sekali	80	30.0
<b>Jumlah</b>	<b>508</b>	<b>100.0</b>	<b>Jumlah</b>	<b>267</b>	<b>100.0</b>

Faham tentang akibat kesalahan			Kesesuaian hukuman		
	Bil.	%		Bil.	%
Sangat faham	39	14.2	Sangat sesuai	28	10.2
Faham	217	78.9	Sesuai	175	63.4
Kurang faham	14	5.1	Tidak berapa sesuai	39	14.1
Tidak faham	5	1.8	Tidak sesuai	34	12.3
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>	<b>Jumlah</b>	<b>276</b>	<b>100.0</b>

Keberkesanan hukuman		
	Bil.	%
Sangat berkesan	25	9.1
Berkesan	176	64.0
Tidak berapa berkesan	51	18.5
Tidak berkesan	23	8.4
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>

Selain dari hukuman ke atas tingkahlaku negatif, kelakuan positif kanak-kanak harus dihargai dan diberi ganjaran. Dengan cara ini kanak-kanak faham apakah bentuk perlakuan positif yang diterima ramai dan harus mereka lakukan. Berdasarkan Jadual 8, amalan ini memang dilaksanakan di semua institusi. Di semua institusi, ganjaran diberi pada kadar “selalu” atau “kadang-kadang”.

Jadual 8 Ganjaran dan kekerapan

Ganjaran untuk kelakuan positif			Kekerapan ganjaran diberikan		
	Bil.	%		Bil.	%
Ya	263	52.4	Selalu	41	15.7
Tidak	239	47.6	Kadang-kadang	175	67.0
			Jarang-jarang sekali	45	17.2
Jumlah	502	100.0	Jumlah	261	100.0

Selain dari konteks yang dibincangkan di atas, semua institusi juga menekankan aspek penjagaan moral terutamanya dari batasan pergaulan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Jadual 9 memberikan gambaran sepenuhnya tentang pandangan kanak-kanak terhadap batasan pergaulan dan sejauh manakah mereka mematuhi. Majoriti kanak-kanak “sangat faham” atau pun “faham” batasan pergaulan di antara lelaki dan perempuan. Hampir semua kanak-kanak berpendapat bahawa corak pergaulan sesama mereka memang jelas ada batasannya.

Jadual 9 Pandangan terhadap batasan pergaulan

Faham batasan pergaulan			Corak pergaulan lelaki perempuan		
	Bil.	%		Bil.	%
Sangat faham	55	11.2	Ada batasan	229	57.5
Faham	269	54.7	Sederhana	150	37.7
Kurang faham	85	17.3	Tiada batasan	19	4.8
Tidak faham	83	16.8			
Jumlah	492	100.0	Jumlah	398	100.0
Sejauhmana patuhi batasan pergaulan			Kakitangan pastikan patuhi batasan		
	%	Bil.		Bil.	%
Sentiasa	119	30.0	Selalu	360	75.0
Selalu	141	35.6	Kadang-kadang	85	17.7
Kadang-kadang	83	21.0	Jarang-jarang sekali	15	3.1
Jarang-jarang sekali	26	6.6	Tidak pernah	20	4.2
Tidak pernah	27	6.8			
Jumlah	396	100.0	Jumlah	480	100.0

Batasan pergaulan ini dipatuhi oleh majoriti kanak-kanak (65.6 peratus) pada kadar “sentiasa” dan “selalu”. Seramai 92.7 peratus kanak-kanak berpendapat bahawa penjaga di institusi

memang menegaskan dan sering memastikan bahawa batasan pergaulan ini dipatuhi. Ciri institusi yang berlainan tidak menampilkan kelainan dari segi pandangan kanak-kanak terhadap isu batasan pergaulan ini. Mungkin seperti yang kita sedia maklum, batasan pergaulan memang sentiasa diberi penekanan utama oleh budaya kita. Kemungkinan kanak-kanak ini telah dididik sedemikian rupa dari kecil lagi.

Seperti yang termaktub dalam SSI, kriteria hasil yang seterusnya ialah “Kesedaran serta pandangan kanak-kanak tentang kelakuan yang harus ditonjolkan oleh mereka dan kawalan diri sendiri” (Standards for Residential Child Care Services, 1994). Dalam konteks ini apa yang disediakan oleh semua institusi jagaan jelas menepati keperluan ini. Hukuman yang diberikan atas tingkahlaku negatif, ganjaran terhadap tingkahlaku positif, dan batasan corak pergaulan sememangnya peluang yang disediakan kepada kanak-kanak tersebut untuk faham, tahu, dan seterusnya berkelakuan seperti yang dikehendaki.

## Rumusan

Umumnya, peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia jelas mempamerkan elemen yang sama dengan standard yang diguna pakai oleh Jabatan Kesihatan United Kingdom. Walau bagaimanapun, perbandingan dibuat terhadap kriteria hasil tertentu sahaja dari salah satu standard yang diguna pakai oleh mereka. Pemilihan standard tersebut dibuat agar ianya bertepatan dengan konteks kebajikan psikososial kanak-kanak yang menjadi tumpuan utama kertas kerja ini. Perbandingan yang dibuat bukanlah berdasarkan proses penilaian polisi yang sebenarnya. Ianya lebih berbentuk deskripsi dan penerokaan awal terhadap proses penilaian yang lebih mendalam dan sesuai lagi. Diharapkan agar banyak lagi penyelidikan akan dibuat dalam konteks penilaian program dan dengan itu program-program yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia terhadap kanak-kanak akan dapat dimantap serta diperkukuhkan lagi.

## Rujukan

- Berridge, D. & Brodie, I. 1988. *Children's homes revisited*. London: Jessica Kingsley Publishers Ltd.
- Brown, E., Bullock, R., Hobson, C., & Little, M. 1998. *Making residential care work: Structure and culture in children's homes*. Ashgate Publishing Limited.
- Davison, A.J. 1995. *Residential care: The provision of quality care in residential and educational group care settings*. Aldershot, England: Arena.
- Frost, N., Mills, S., & Stein, M. 1999. *Understanding residential child care*. Aldershot, England: Arena.
- Fulcher, L. & Faizah Masud. 2000. Residential child and youth care in Malaysia. Kertas kerja iringan di Seminar Kebangsaan Kerja Sosial, Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial: Ke Arah Kecemerlangan, 26-27 Januari 2000, UUM, Sintok, Kedah.
- Gibbs, I. & Sinclair, I. 1998. Private and local authority children's homes: A comparison. *Journal of Adolescence*, 21, 517-527.
- Kahan, B. 1995. *Growing up in groups*. London: National Institute for Social Work.
- Standards for residential child care services: A handbook for social services managers and inspectors, users of the services and their families*. 1994. London: Social Services Inspectorate, Department of Health.
- [www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm](http://www.jkm.gov.my/mel/inst/rkk.htm)